


ANALISIS PRAPRU-14

46 KERUSI PANAS UNDANG TSUNAMI POLITIK?





Hampir lima tahun lalu wujud istilah "tsunami Cina" yang dikaitkan dengan keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) pada 5 Mei 2013 yang hampir mencabar kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengungkapkan istilah berkenaan pada pagi 6 Mei 2013 sebagai mengulas kemerosotan undi BN yang hanya menang 133 kerusi parlimen, berbanding 140 pada PRU-12 (2008).

Merosot tujuh kerusi seolah-olah petanda merosotnya sokongan terhadap parti kerajaan. Kawasan bandar yang majoritinya dihuni oleh kaum Cina dimenangi oleh DAP. Daripada 222 kerusi parlimen yang ada, BN hanya meraih undi popular 5 237 699 berbanding Pakatan Rakyat yang meraih 5 623 984 undi. Najib tahu undi popular BN merosot dengan hanya 47.38 peratus berbanding pembangkang 50.87 peratus.

Tempoh mandat yang ada sekarang akan luput pada 24 Jun 2018 ini. Kerajaan yang ada sekarang terpaksa menyerahkan nasib kepada pengundi pada PRU-14 nanti. Istilah "tsunami Cina" tidak semestinya relevan lagi kerana peredaran masa dan suasana politik semasa sudah jauh berubah. Politik sentiasa berkait rapat dengan masa dan



Persaingan tiga penjur memungkinan Shahidan mempertahankan kerusi Parlimen Arau.

suasana semasa, bukan sekadar reputasi lampau. Bukan sahaja kaum Cina, Melayu, India, Iban, Kadazan, malah kaum lain pun boleh mencipta kejutan jika seseorang calon atau parti yang mereka wakili mengabaikan kepentingan awam.

Masyarakat hari ini terdedah kepada akses maklumat yang disebarkan media baharu. Media sosial dan media digital menjadi kewajipan terutama di kawasan bandar yang memudahkan akses maklumat. Peranan media tradisional seperti akhbar, majalah dan saluran televisyen serta radio semakin tercabar. Perang maklumat menimbulkan saingan sengit. Ada laporan yang tepat, tidak kurang juga berita palsu yang sentiasa memburukkan ketokohan seseorang.

BN yang diketuai UMNO tidak semestinya semakin lemah kerana pimpinan negara memahami apa-apa yang dimahukan oleh rakyat dalam usaha mencapai cita-cita Transformasi Nasional 2050 yang bertujuan melahirkan

generasi berdaya saing. Pelbagai insentif yang disediakan oleh kerajaan bertujuan membantu rakyat menikmati kehidupan lebih selesa ketika krisis ekonomi dunia menjadi ancaman sejagat. Kejatuhan harga pasaran minyak dan gas dunia turut memberikan kesan terhadap ekonomi negara kerana Malaysia merupakan antara pengeluar komoditi tersebut sejak Petronas ditubuhkan pada 17 Ogos 1974.

Krisis ekonomi dan kadar inflasi yang pernah mencatatkan rekod lebih lima peratus pada Mac 2017 secara langsung memberikan kesan terhadap politik. Hari ini politik ialah persepsi awam. Kejatuhan harga minyak, inflasi dan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 memberikan kesan politik terhadap kerajaan. Pembangkang menjadikan isu berkenaan sebagai mantera politik di pentas ceramah. Hal ini mendorong kerajaan dan BN mempertahankan isu berkenaan dan manfaat GST terhadap kestabilan ekonomi negara.

Sejauh mana kesan ekonomi terhadap politik dan PRU-14 hanya akan ditentukan oleh pengundi nanti. BN tidak semestinya goyah. Pembangkang pula tidak semestinya longlai selepas berkuburnya Pakatan Rakyat pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan kini berganti pula dengan Pakatan Harapan (PH) yang diketuai oleh bekas perdana menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir yang memimpin negara selama 22 tahun (16 Julai 1981 hingga 31 Oktober 2003) merupakan ahli politik yang mempunyai reputasi tersendiri. Beliau bukan sekadar mengalahkan

Tun Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah dalam percaturan politik nasional, bahkan berjaya mengangkat dan menjatuhkan Datuk Seri Anwar Ibrahim secara tragik.

Kehadiran Dr. Mahathir dalam PH tentunya menjadi tumpuan penganalisis politik. Beliau berpengalaman dan tangkas, namun kini semakin dikalahkan oleh usianya. Menjelang usia hampir 93 tahun mampukah Dr. Mahathir mencorakkan semula percaturan politik Malaysia?

Adakah Dr. Mahathir akan mencorakkan "tsunami Melayu" pada PRU-14? Perkembangan politik semasa tidak menampakkan mana-mana pihak yang dominan. BN tidak semestinya semakin kuat walaupun PAS sudah meninggalkan sekutu pakatan pembangkang. Pembangkang juga tidak semestinya bertambah lebih baik dengan kehadiran Parti Amanah Negara pimpinan Mohamad Sabu ekoran krisis dalaman PAS.

Sehingga kini, 46 kerusi panas jadi perhatian massa, sama ada berpihak kepada BN atau PH. Tidak mustahil juga PAS yang memimpin blok ketiga yang dinamakan Gagasan Sejahtera bersama-sama parti kecil seperti

Berjasa, Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan) dan Parti Cinta Malaysia boleh menjadi tenaga penentu jika keputusan PRU-14 menemui jalan buntu untuk membentuk kerajaan baharu bagi mandat lima tahun akan datang.

Daripada 46 kerusi panas, sebanyak 29 kerusi parlimen disandang oleh BN dengan majoriti 3000 undi ke bawah berbanding 17 kerusi diwakili pembangkang pada PRU-13. Nama-nama besar BN termasuk menteri berada pada paras kritikal jika berlaku peralihan lima peratus undi pada PRU-14 kelak.

Kawasan Parlimen Arau, umpamanya hanya dimenangi Datuk Seri Shahidan Kassim sebanyak 1371 undi majoriti mengalahkan bekas Mursyidul Am PAS, Allahyarham Datuk Dr. Haron Din. Pada PRU-14 ini kemungkinan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri itu akan dicabar oleh Mursyidul Am PAS sekarang, Hashim Jasin yang pernah bertanding pada PRU-12 lalu. Kemungkinan juga pertandingan tiga penjur tidak dapat dielakkan apabila Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) diyakini turut meletakkan calonnya.

Saingan tiga penjur boleh memberikan kesan kepada Shahidan apatah lagi pengundi PPBM kebanyakannya bekas ahli UMNO yang berpaling tadah dan mungkin memecahkan undi yang sepatutnya diraih oleh BN. Mungkin juga BN kekal bertahan di kawasan berkenaan kerana persaingan tiga penjur akan membolehkan





Kerusi yang bakal ditandingi oleh Mukhriz masih belum dimuktamadkan.

penyokong kerajaan kekal utuh di belakang Shahidan, sedangkan undi pembangkang pula berpecah belah.

Empat kerusi parlimen BN di Kedah juga menerima cabaran hebat berdasarkan isu semasa yang berlaku pada ketika ini. Kehadiran Dr. Mahathir dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai pimpinan kanan PPPM dan PH mungkin memberikan kesan di kawasan Parlimen Pendang (BN diwakili Datuk Othman Abdul, menang majoriti 2638 undi), Jerai (Datuk Seri Jamil Khir Baharom: 1196 undi), Sik (Dr. Mansor Abdul Rahman: 2807 undi), dan Kulim Bandar Baru (Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir: 1871 undi). Walaupun nama-nama besar BN yang bertanding, faktor tersebut bukan jaminan mereka akan kekal sebagai wakil rakyat kerana perkembangan mutakhir di Kedah amat mencabar dan luar biasa.

Pengaruh Dr. Mahathir dan Mukhriz mungkin boleh menyaingi kewibawaan wakil BN di kawasan berkenaan, apatah lagi Dr. Mahathir mempunyai sejarah politik yang panjang di Kedah sejak dekad 1960-an ketika era Perikatan pimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra. Banyak penganalisis politik meramalkan Kedah menghadapi saingan sengit apabila timbulnya isu tempatan dan nasional termasuklah pertandingan tiga penjurua di empat kerusi berkenaan. Kedah juga pernah dipimpin oleh PAS di bawah pentadbiran Datuk Seri Azizhan Razak pada 2008 hingga 2013 sebelum digantikan oleh Mukhriz.

Dari segi logistik politik, pengaruh PAS pesat berkembang di Kedah dan Perlis, selain kubu kebal mereka di Kelantan dan Terengganu. Sejauh mana PAS mampu merampas semula tampuk kerajaan negeri di samping merampas empat kawasan parlimen berkenaan masih menjadi misteri apatah lagi pada ketika ini PAS tidak lagi bersama-sama pakatan pembangkang.

Bagaimanapun pengaruh Mukhriz yang pernah seketika memimpin Kedah mungkin menjadi cabaran di Kedah.

Sebahagian tokoh politik daripada UMNO yang bakal "teruji" pada PRU-14.

Pada PRU-13, nama Mukhriz diujakan di pentas politik BN untuk menewaskan PAS ketika itu. Hal ini berjaya menamatkan pentadbiran PAS, dan hari ini isu yang sama digunakan di pentas berbeza ketika Mukhriz bukan lagi bersama-sama UMNO dan BN. Anak berkas perdana menteri itu mungkin boleh mencipta tsunami baharu di Kedah.

Di Kelantan pula, saingan tradisi UMNO dan PAS tidak dapat dielakkan. PAS pimpinan Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencapai era keagungan selepas menawan negeri serambi Mekah itu pada tahun 1990. Nik Aziz dianggap sebagai pejuang rakyat daripada institusi agama, di samping personalitinya yang warak dan amanah. Cara hidup yang sederhana menjadikan beliau sebagai idola rakyat. Bagaimanapun PAS selepas era Nik Aziz dianggap tidak lagi sebagai parti agama oleh sesetengah pihak. Gaya hidup mewah beberapa wakil rakyat PAS termasuk mempunyai kediaman agam dan kereta mewah menimbulkan persoalan dalam kalangan rakyat yang selama ini takjub dengan imej sederhana Nik Abdul Aziz.

Dua kerusi parlimen di Kelantan yang dimenangi BN juga menerima saingan sengit daripada pembangkang. Parlimen Ketereh yang disandang Ketua Pengerangan UMNO Malaysia, Tan Sri Annuar Musa hanya dimenangi dengan majoriti 974 undi. Pada PRU-13, Annuar mengalahkan calon PKR, Abdul Aziz Kadir. Annuar mungkin popular pada peringkat nasional, namun belum pasti di kawasan Ketereh yang terkenal dengan sikap kritis pengundinya.

Kawasan Parlimen Machang yang disandang oleh Datuk Ahmad Jazlan Yaakub juga bakal disaingi hebat oleh calon PAS dan PH tahun ini. Berdasarkan keputusan lalu yang hanya menang 805 undi, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini perlu bekerja lebih keras bagi memenuhi keperluan terutama pengundi muda yang semakin kritikal.

Kawasan Parlimen Machang terletaknya kampus Universiti Teknologi Mara yang pesat membangun dan kadar celik teknologi maklumat dalam kalangan generasi muda. Sebarang perubahan sokongan sekadar lima peratus

Dapatkah mereka mempertahankan kerusi masing-masing?

sudah cukup memberikan kesan terhadap keputusan undi pilihan raya. Suasana sekarang berbeza berbanding dahulu yang membabitkan persaingan BN dan PAS. Kehadiran PH menjadikan persaingan lebih terbuka apatah lagi ketika pengundi terutama generasi muda lebih mudah untuk mengakses maklumat melalui media baharu.

Dua kerusi parlimen yang dimenangi BN di Perak dan satu di Pulau Pinang masih perlu diberikan perhatian oleh jentera parti. BN hanya menang majoriti 1140 undi di Bagan Serai dan menang hanya 238 majoriti dalam pilihan raya kecil di Teluk Intan. Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali ialah tokoh muda UMNO yang mempunyai masa depan yang cerah. Namun, situasi politik di Bagan Serai boleh mencabar harapan beliau untuk mempertahankan kerusinya.

Kemenangan Datuk Seri Mah Siew Keong dalam pilihan raya kecil Teluk Intan tidak boleh dijadikan sandaran pengaruh BN dan Gerakan di kawasan berkenaan sudah kukuh. Kubu DAP tersebut hanya dianggap ranap jika persaingan secara terbuka menerusi pilihan raya umum akan datang. Di sinilah penentu nasib Presiden Gerakan yang juga Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi itu jika beliau sekali lagi memilih bertanding di kawasan yang sama. Dari segi sejarah, BN hampir memenangi semua pilihan raya kecil kerana memiliki kemampuan jentera parti dan dana yang mencukupi. Pembangkang sememangnya berdepan dengan halangan tersebut, justeru, Mah tidak boleh mengganggu kawasan tersebut selamat selama-lamanya kerana pilihan raya umum membabitkan banyak kawasan yang perlu difokuskan oleh BN untuk berdepan dengan pembangkang. Pilihan raya umum dan pilihan raya kecil berbeza dari segi suasana dan strateginya.

Di Pulau Pinang pula, kawasan Parlimen Balik Pulau belum tentu selamat kerana BN hanya menang dengan majoriti 1539 undi pada PRU-13. Calon BN, Datuk Seri Hilmi Yahya yang kini menjawat Timbalan Menteri Kesihatan ialah tokoh yang pernah menjawat Setiausaha Parlimen. Beliau arif tentang politik Pulau Pinang yang dikuasai DAP di kawasan majoriti Cina dan pengaruh

Sivarraajh Chandran disebut-sebut sebagai calon yang bakal bertanding bagi kerusi Parlimen Cameron Highland.

Anwar Ibrahim di kawasan Melayu. Kemenangan 1539 undi menjadikan Balik Pulau sebagai sebuah kerusi panas apatah lagi PAS dan PKR dijangka meletakkan calon di kawasan berkenaan. Bagaimanapun sokongan akar undi terhadap Dr. Hilmi tidak boleh dipertikaikan. Beliau antara tokoh BN yang berpendidikan tinggi serta mesra rakyat.

Empat kerusi parlimen di Pahang juga bakal menghadapi saingan sengit, lebih-lebih lagi kawasan berkenaan diwakili tokoh besar politik tempatan, sama ada BN mahupun PAS. Kerusi Parlimen Cameron Highlands, Temerloh, Bentong dan Bera hanya dimenangi dengan majoriti kecil pada PRU-13. Dari Cameron Highlands ke Bera, kawasan ini menyaksikan nama-nama besar, antaranya termasuklah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Ketua Pengerangan MCA, Nasrudin Hassan Tawandi dan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai. Ismail Sabri merupakan Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Beliau menang dengan majoriti 2143 undi di Bera, sementara Liow yang juga Menteri Pengangkutan meraih 379 undi sahaja.

Liow sudah menjadi anggota Parlimen Bentong hampir 20 tahun, iaitu sejak 1999. Namun pada PRU lalu, Presiden MCA itu mempertahankan kerusi tersebut dengan hanya kelebihan 379 undi, semasa berhadapan dengan aktivis alam sekitar, Wong Tack. Kawasan parlimen ini memiliki 45 peratus pengundi Melayu, 44 peratus pengundi Cina dan sembilan peratus pengundi India. Kunci utama untuk Liow kekal di sini bukan sahaja bergantung pada peralihan sokongan dalam kalangan pengundi Cina, tetapi juga sama ada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob akan bertanding atau tidak pada PRU ke-14. Adnan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Simpang Pelandai dalam kawasan Parlimen Bentong. Pengaruh Adnan selama 20 tahun menjawat Menteri Besar Pahang akan membantu Bentong kekal di bawah penguasaan BN.

Namun, keadaan mungkin lebih mencabar jika veteran DAP, Lim Kit Siang bertanding di Bentong. Majoriti 379 undi bukan jaminan apatah lagi pengundi Cina memang terkenal sentimen mereka terhadap DAP sejak 15 tahun lalu. Lim terkenal dengan pendekatan "berani mati"



Ke manakah hala tuju penyokong tegar PAS?

apabila berpindah ke banyak kerusi parlimen semata-mata kerana untuk meyakini pengundi Cina bahawa mereka masih takjub dengan politik DAP. Jika Lim ke Bentong, persaingan dua tokoh besar kaum Cina akan berlaku yang tentunya mendapat sorotan meluas pada hari pembuangan undi.

Di Cameron Highlands, pertembungan lima penjuror menyaksikan bekas Presiden MIC, Tan Sri G Palanivel menewaskan calon DAP, M Manogaran dengan kelebihan 462 undi pada tahun 2013. Pada PRU ke-14, kawasan parlimen itu turut dijangka menyaksikan pertembungan banyak penjuror dengan beberapa parti pembangkang telah menyatakan hasrat untuk bertanding. MIC berkemungkinan besar akan mencalonkan ketua pemudanya, Sivarraajh Chandran selepas Palanivel digugurkan ekoran tidak lagi memegang jawatan dalam parti. Sebuah lagi parti komponen BN, Parti Progresif Penduduk (MyPPP) yang diketuai Datuk Seri M Kayveas turut menyasarkan kerusi itu. Di pihak pembangkang pula, DAP dijangka sekali lagi mencalonkan Manogaran, manakala Parti Sosialis Malaysia (PSM) mungkin meletakkan Penyelaras Biro Orang Asli, Suresh Kumar.

Cameron Highlands memiliki 12 peratus pengundi India dan 20 peratus pengundi orang asli, dan bakinya ialah Melayu dan Cina. Jika berlaku pertembungan banyak penjuror, sukar diramalkan tokoh yang bakal muncul sebagai pemenang. Perseteruan secara terbuka antara dua komponen BN, iaitu MIC dan MyPPP tidak membantu meraih sokongan pengundi. MIC bertegas mahu bertanding di kerusi Parlimen Cameron Highlands dan tidak akan mengadakan rundingan dengan parti komponen BN lain, seperti yang diyakini oleh presidennya, Datuk Seri Dr. S Subramaniam. Pada Oktober 2017, Kayveas menyuarakan hasrat untuk menemui Subramaniam untuk menyelesaikan isu perebutan kerusi itu, tetapi sehingga kini, tiada sebarang pertemuan dilaporkan.



DAP diramal tidak mempunyai masalah untuk mengekalkan status quo mereka.

Kayveas bagaimanapun mendakwa kerusi Cameron Highlands ditawarkan kepada MyPPP sejak 2000, tetapi mereka menyerahkan kerusi itu kepada MIC pada saat-saat akhir. Kayveas juga mendakwa Cameron Highlands bukan milik mana-mana parti selepas pemecatan Palanivel daripada MIC.

Berbanding dengan kawasan barat Pahang, Temerloh dan Bera memiliki landskap politik berbeza. Temerloh, satu-satunya kerusi parlimen yang dimenangi PAS pada pilihan raya lalu, mempunyai 64 peratus pengundi Melayu, 24 peratus pengundi Cina dan sembilan peratus pengundi India. Berkat gelombang "ini kalilah" Pakatan Rakyat pada PRU lalu, Nasrudin Hassan menewaskan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi pada ketika itu, Datuk Saifuddin Abdullah dengan perbezaan undi 1070, atau 1.8 peratus undi.

Kini PAS tidak lagi bekerjasama dengan PKR dan DAP. Keadaan ini hampir mustahil untuk mengekalkan sejumlah besar undi bukan Melayu yang berpindah kepada Nasrudin dahulu. Dengan kemungkinan pertembungan tiga penjuror di Temerloh, kelebihan pastinya dimiliki BN untuk kembali merampas kerusi itu.

Bagi kawasan Parlimen Bera, penyandanginya Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak pernah kalah sejak kawasan parlimen itu diwujudkan pada 1999. Pada PRU lalu, beliau menang dengan majoriti 2143 undi. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu mendapat hanya 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan undi, hanya lebih sedikit daripada calon PKR, Zakaria Abdul Hamid yang mendapat 45.5 peratus undi dalam pertembungan tiga penjuror. Faktor penentu bagi kerusi parlimen ini ialah datangnya daripada peneroka FELDA. Bera merangkumi 14 FELDA, yang mewakili kira-kira 45 peratus pengundi. Pada PRU lalu, Ismail menang hampir 70 peratus undi daripada warga FELDA.

Isu hangat yang membabitkan FELDA sekarang, apatah lagi pimpinan PH dan PAS kerap meredah kawasan

peneroka sawit berkenaan menunjukkan tidak mudah untuk Ismail Sabri mempertahankan kawasan berkenaan, kecuali jika berlaku perubahan drastik pada saat terakhir termasuklah pertambahan 1234 pengundi tentera di Bera pada PRU-14 kelak.

BN juga perlu bekerja lebih keras di dua kerusi parlimen di Selangor dan dua di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor hanya menang dengan majoriti 1644 dan 460 undi. Di Kuala Lumpur pula melibatkan Setiawangsa (1390) dan Titiwangsa (866) undi adalah kawasan bandar yang tentunya perkiraan pengundian berbeza daripada desa dan pedalaman. Ciri-ciri kaum, pendidikan dan akses maklumat perlu diambil kira, lebih-lebih apatah lagi semua kerusi parlimen lain di Wilayah Persekutuan dimenangi oleh pembangkang terutama DAP dan PKR yang mendominasi kawasan Cina dan campuran kaum dengan memenangi sembilan kerusi parlimen.

Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang juga Menteri Kewangan Kedua baru sepenggal menjadi wakil rakyat Titiwangsa selepas menewaskan calon PAS, Ahmad Zamri As'Ad Khuzaimi. Kawasan berkenaan pernah disandang oleh PAS melalui Allahyarhamah Dr. Lo'Lo' Mohd Ghazali pada 2008. Masalah utama di Titiwangsa adalah sukar untuk mana-mana pihak menemui pengundi kerana kawasan berkenaan lazimnya didiami oleh pekerja yang tentunya jarang-jarang berada di rumah kerana bertugas di pejabat atau luar kawasan. Kaum Melayu menjadi majoriti di Kampung Pandan, Keramat dan Kampung Baru. Kemungkinan pertarungan tiga penjuror tidak dapat dielakkan kerana selain BN dan PAS, Parti Amanah Negara juga disebut-sebut akan bertanding di kawasan berkenaan. Bekas ahli PAS yang menyertai Parti Amanah Negara, Dr. Hatta Ramli disebut-sebut mahu bertanding di kawasan berkenaan kerana kerusi parlimen beliau di Kuala Krai tidak selamat lagi. Di Setiawangsa pula, bukan mudah bagi Datuk Ahmad Fauzi Zahari mempertahankan



Antara mantan pemimpin PAS yang kini menyertai AMANAH kelihatan bersama-sama Lim Kit Siang dalam suatu majlis.

kawasan tersebut kerana isu semasa berkaitan kos hidup menjadi polemik banyak orang di kawasan perbandaran Setiawangsa juga merupakan kawasan elit Melayu di tengah kota Kuala Lumpur, di samping golongan pertengahan yang merasai isu pendapatan yang terjejas ekoran kenaikan harga barangan dan kekurangan peluang pekerjaan. Seperti juga Titiwangsa, Setiawangsa yang terdedah dengan akses teknologi maklumat memerlukan wakil rakyat yang bukan sahaja mesra rakyat, bahkan mahir memberikan penerangan melalui media baharu.

Keadaan berbeza di Sabak Bernam dan Kuala Selangor kerana kawasan luar bandar yang menempatkan petani dan pekebun itu memaksa bakal wakil rakyat mereka memahami isu tempatan seperti kemudahan asas, peningkatan dan kemudahan pemasaran produk pertanian dan peluang pekerjaan. Datuk Fasih Fakh dan Datuk Seri Irmohizan Zakaria tentunya menyedari bukan mudah untuk mempertahankan dua kawasan parlimen berkenaan, apatah lagi Selangor di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat sejak 2008 dan kini PH. Berjuang di bawah kerajaan negeri yang berbeza haluan bukan mudah apatah lagi jika peruntukan pembangunan terpaksa diharapkan kepada Kerajaan Persekutuan. Walaupun PAS bukan lagi bersama-sama parti pembangkang yang lain, namun persaingan tiga penjuror tidak semestinya memberikan kelebihan kepada BN. Isu tempatan dan nasional dijangka mempengaruhi pola pengundian. Paling utama ialah yang boleh diterima oleh pengundi.

Di Johor pula yang dianggap kubu tradisi BN sejak merdeka, namun nasib enam kawasan parlimen belum tentu memihak kepada calon BN yang bertanding. Pada PRU-13 lalu BN hanya menang majoriti tipis di Segamat (1217), Labis (353), Ledang (1967), Muar (1646), Tebrau (1767) dan Pasir Gudang (935). Isu semasa termasuklah tindakan Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyertai PPBM tidak boleh dianggap remeh. Pengaruh bekas timbalan perdana menteri dan bekas Menteri Besar Johor ini bakal menguji kekuatan BN atau PH pada



PRU-14. Walaupun media kurang melaporkan isu berkenaan, namun kalangan pengundi sedar pengaruh UMNO sedang teruji di kawasannya sendiri.

Memang diakui Johor ialah simpanan tetap BN di Semenanjung, namun sejarah baharu mungkin tercatat jika peralihan undi hanya lima peratus pada PRU-14. Oleh itu, pimpinan BN negeri termasuk Presiden MIC yang juga Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S Subramaniam tidak boleh terlalu yakin untuk mempertahankan kawasan Segamat dengan mudah. Begitu juga Datuk Chua Tee Yong, Datuk Hamim Samuri, Datuk Razali Ibrahim, Datuk Khoo Soo Seang dan Datuk Normala Abdul Samad yang belum tentu selamat di kerusi mereka masing-masing.

Kerusi panas juga berlaku di Sabah khususnya di Kota Marudu (842), Beaufort (673) dan Pensiangan (1744). Wakil BN, Datuk Seri Dr. Maximus Johniti Ongkili, Datuk Seri Azizah Mohd Dun dan Tan Sri Joseph Kurup ialah nama popular di Sabah. Azizah dan Joseph menjawat jawatan dalam kabinet Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun tindakan bekas menteri dan bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Shafie Apdal menubuhkan Parti Warisan Sabah menjadi cabaran kepada parti politik yang sedia ada di Sabah. Dari segi sejarah, politik Sabah bergolak sejak dekad 1960-an. Kehadiran parti baharu lazimnya memberikan impak terhadap kawasan parlimen dan dewan undangan negeri. Sabah pernah diterajui oleh USNO, Berjaya dan PBS sebelum berpindah kepada UMNO. Sejarah boleh berulang jika BN tidak peka terhadap isu semasa termasuklah menangani slogan "Sabah for Sabahan" dan sensitiviti di pantai timur Sabah yang terdedah kepada ancaman militan dan lanun negara jiran.

Keunikan politik Sabah tidak boleh dianggap remeh. Populariti Tun Datu Mustapha Datu Harun, Datuk Harris Salleh dan Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan pada zaman lampau membuktikan pengundi Sabah tidak taasub kepada sesebuah parti politik. USNO, Berjaya dan PBS mempunyai sejarah tersendiri di Sabah. Keadaan bertukar aman selepas UMNO ke Sabah, namun bukan jaminan

Adakah Nurul Izzah bakal berpindah kerusi?

kekal berdasarkan situasi semasa. Pengundi Sabah boleh menyokong sesebuah parti politik untuk sesuatu ketika, namun boleh berubah sokongan jika mendapati mandat yang mereka berikan tidak dipedulikan lagi.

Bagaimanapun Sarawak yang dianggap sebagai negeri paling stabil buat BN tidak sepenuhnya selamat. Tiga kawasan parlimen dimenangi BN di bawah 3000 undi majoriti, iaitu Mas Gading (2156), Saratok (2081) dan Baram (194). BN tentunya bersedia berdepan cabaran pembangkang kerana pimpinan Datuk Seri Abang Johari Tun Openg sudah masak dengan situasi tempatan. Faktor geografi dan politik pembangunan masih menjadi keutamaan. Isu semasa boleh membantu BN pertahankan tiga kerusi panas berkenaan. Yang paling penting ialah isu calon kerana rakyat mahukan wakil yang boleh mendengar masalah mereka dan dibawa ke pihak yang lebih tinggi.

Dalam kalangan pembangkang pula, puteri reformasi, Nurul Izzah Anwar bukan mudah mempertahankan kerusi Parlimen Lembah Pantai yang dimenanginya sejak dua penggal lalu. Pemindahan pengundi pos seramai 7000 orang dari luar kawasan Lembah Pantai menjadi isu terbesar di kawasan berkenaan. Pada PRU-13, Nurul Izzah mendapat 31 008 undi daripada keseluruhan 72 396 pengundi dengan menewaskan calon BN, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dengan majoriti 1847 undi. Raja Nong Chik menggantikan Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil yang kalah mengejut di tangan Nurul Izzah - anak sulung Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 2008. Nurul Izzah disebut-sebut bakal berpindah ke kawasan Parlimen Pandan kerana wakil sekarang, Rafizi Ramli tidak dapat bertanding pada PRU-14 kelak ekoran keputusan mahkamah terhadap beliau.

Pembangkang juga berdepan dengan cabaran sengit di beberapa kerusi parlimen di kubu kuat mereka di

Kelantan, Kedah dan Terengganu. Kerusi Parlimen Bachok (majoriti 201 undi), Pasir Puteh (1888) dan Kuala Krai (2043) belum tentu selamat berdasarkan situasi semasa di Kelantan apabila PAS tidak lagi bersama-sama pakatan pembangkang. Dr. Hatta Ramli dijangka meninggalkan Kuala Krai kerana tidak lagi bersama PAS. Begitu juga wakil PAS, Datuk Nik Mazlan Nik Mohamad yang berdepan cabaran getir daripada PH dan BN di Pasir Puteh.

Kerusi pembangkang di Alor Setar, Kedah juga terpaksa berdepan saingan tiga penjurua atau lebih yang memungkinakan penyandangannya, wakil PKR Gooi Hsiao-Leong kehilangan jawatan. Kemenangan tipis majoriti 1873 belum tentu selamat kerana PRU-13 lalu beliau dibantu oleh jenfera PAS untuk mendapatkan sokongan di kawasan Melayu di ibu negeri Kedah itu.

Di Terengganu pula, pembangkang berdepan cabaran sengit di Kuala Nerus apabila sekadar menang dengan majoriti 610. Wakil PAS, Datuk Mohamad Khairuddin Aman Razali mungkin popular dalam kalangan ahli parti sebagai orang kuat di belakang Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Presiden PAS. Namun begitu, beliau tentunya sedar pengundi bukan semua ahli PAS, apatah lagi persaingan tiga penjurua dengan PH dan BN tidak dapat dielakkan pada PRU kali ini.

PAS, Parti Amanah Negara dan DAP juga berdepan saingan sengit di Pahang, Selangor dan Perak berbekalkan majoriti di bawah 3000 undi. DAP hanya menang majoriti 2814 di Raub. PAS menang majoriti 1070 di Temerloh yang memungkinakan kerusi berkenaan bertukar tangan walaupun wakil rakyat sekarang ialah Nasrudin Hassan yang juga Ketua Penerangan PAS Pusat.

Di Selangor pula melibatkan kerusi Parlimen Sepang (majoriti 1104) yang belum pasti selamat jika penyandang sekarang Mohamed Hanipa Maidin bertanding di kawasan berkenaan. Pada PRU-13 beliau bertanding atas tiket PAS dan kini beralih kepada Parti Amanah Negara. Kemungkinan persaingan tiga penjurua tidak meyakinkan kemenangan beliau kerana pengundi hanya memilih wakil yang boleh memberikan khidmat terbaik. Perlu juga difahami bahawa sehingga kini jentera parti pembangkang selain DAP dan PAS masih misteri kekuatan mereka. PAS seperti juga UMNO mempunyai akar umbi yang kuat. Begitu juga DAP yang mendapat sokongan kuat di kawasan majoriti Cina. Oleh itu, isu dan kekuatan sebenar di Sepang masih menjadi rahsia umum.

PKR juga belum tentu selamat di kawasan Parlimen Teluk Kemang, Negeri Sembilan (menang majoriti 1579 undi) dan Batu Pahat, Johor (1732). Kawasan berkenaan disandang oleh Datuk Kamarul Baharin Abbas dan Datuk Mohd Idris Jusi. Kedua-dua individu berkenaan kurang

dikenali pada peringkat nasional. Mereka juga tidak lantang di parlimen untuk membolehkan pengundi di atas pagar menilai kemampuan mereka berdebat dan berfikir. Pada hari ini politik sering dikaitkan dengan persepsi awam, walaupun bukan syarat terpenting untuk menilai kewibawaan seseorang. Tokoh yang kurang dikenali dibimbangkan tidak mendapat tempat apatah lagi apabila membabitkan persaingan banyak penjurua pada PRU-14 nanti.

Sementara itu, nasib DAP di Sabah dan Sarawak belum tentu selamat terutama di kawasan yang mereka menang tipis sebelum ini. DAP sering dianggap sebagai parti Semenanjung dan kehadirannya di Sabah dan Sarawak dikatakan mengganggu sokongan terhadap parti tempatan yang berteraskan sokongan pengundi Cina di kawasan bandar dan semi bandar. DAP menang majoriti 1088 di Sandakan, Sabah. Di Sarawak pula mereka menang tipis di Sarikei (505) dan Sibul (2841). PKR juga menang 1992 di Miri. Kawasan berkenaan terdedah pada persaingan terbuka dan mana-mana pihak yang meletakkan calon popular dalam kalangan penduduk tempatan boleh menang dalam PRU-14 kelak.

Persaingan sengit di 46 kerusi parlimen tumpuan tentunya menjadi daya penarik pada PRU-14 kelak. Rakyat diberi pilihan dan parti politik pula mempunyai pilihan untuk meletakkan calon terbaik. Lima negeri termasuk Selangor dan Pulau Pinang yang kini ditadbir oleh PH mencatatkan pertambahan jumlah pengundi yang tinggi menjelang PRU-14. Turut mencatatkan kenaikan jumlah pengundi baharu ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu sebanyak 56.33 peratus dengan 8623 pengundi.

Peningkatan yang tertinggi, berdasarkan data Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), ialah di Selangor dengan kenaikan 14.36 peratus, naik daripada 2 020 496 pengundi pada 2013 kepada 2 030 604 orang pada suku pertama 2017, diikuti oleh Terengganu dengan peningkatan 14.11 peratus, manakala pengundi baharu di Johor meningkat sebanyak 12.31 peratus. Kelantan dan Pulau Pinang yang diterajui oleh pembangkang masing-masing mencatatkan peningkatan 12.29 peratus dan 11.11 peratus. Peningkatan keseluruhan pengundi baharu sejak PRU-13 ialah 1.4 juta pengundi atau 11 peratus.

Rakyat bakal menentukan semua ini di peti undi nanti. Apa-apa pun yang terjadi pada PRU-14 kelak, pemenang sebenar ialah sistem demokrasi yang kekal subur. Kematangan dan harapan rakyat terletak pada amanah yang akan dibawa oleh wakil mereka di parlimen, mahupun DUN pada masa akan datang. 🗳️

Penulis ialah sasterawan dan mantan wartawan.